

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Nilai Rt melebihi 1.0 dalam tempoh dua bulan

Kuala Lumpur: Lonjakan kes baharu COVID-19 selama tiga hari berturut-turut menyaksikan kadar kebolehjangkitan (Rt) pandemik itu di negara ini meningkat kepada 1.02 setakat kelmarin, kali pertama kembali mencatatkan nilai melebihi 1.0 dalam tempoh dua bulan selepas merekodkan nilai 1.09 pada 4 Februari lalu.

Berdasarkan data dikongsi Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah di Facebook malam kelmarin, nilai Rt itu menandakan peningkatan tiga hari berturut-turut, daripada 0.95 pada Khamis lalu kepada 0.97 pada Jumaat dan 1.02 kelmarin.

Peningkatan itu menyaksikan jangkitan COVID-19 kini berada pada unjuran meningkat dan jika Rt melonjak kepada 1.2, kes baharu di negara ini dijangka menghampiri 3,000 kes sehari menjelang hujung bulan depan, khususnya jika prosedur operasi standard (SOP) diabaikan.

Bagaimanapun, nilai Rt boleh diturunkan melalui pematuhan SOP dan jika ia turun kepada 0.8, jumlah kes baharu COVID-19 diunjurkan menjadi dua angka menjelang akhir bulan depan.

Nilai Rt merujuk kepada tahap kebolehjangkitan sesuatu virus, iaitu berapa ramai individu yang boleh dijangkiti oleh satu kes positif.

Semakin rendah nilai itu, semakin kurang kemungkinan jangkitan bagi setiap kes positif. Sebagai contoh, jika nilai Rt adalah 1.5, ia bererti satu kes positif boleh menyebarkan kepada seorang atau dua orang yang lain.

Selain itu, data dikongsi Dr Noor Hisham menunjukkan lima negeri mencatatkan nilai Rt melebihi purata kebangsaan kelmarin, manakala dua negeri merekodkan nilai Rt 1.0.

Perak mencatatkan nilai Rt tertinggi dengan 1.61, disusuli Labuan (1.34), Pahang (1.30), Putrajaya (1.29) dan Kelantan (1.07), manakala Melaka dan Sarawak merekodkan Rt 1.0.

Tujuh negeri mencatatkan Rt melebihi 0.90, iaitu Sabah (0.99), Kedah (0.97), Pulau Pinang (0.93), Johor (0.93), Selangor (0.92), Kuala Lumpur (0.92) dan Negeri Sembilan (0.91).

Terengganu pula merekodkan Rt terendah kelmarin dengan 0.56, dan Perlis mencatat nilai kosong kerana tiada kes baharu.

Kes baharu jangkitan COVID-19 mencatatkan peningkatan ketika ini, daripada 1,178 kes pada Khamis lalu kepada 1,294 pada Jumaat dan 1,638 kelmarin.

Penularan COVID-19

Sarawak catat kes harian tertinggi

1,349 jangkitan baharu, 10 lagi kluster dikesan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 1,349 kes baharu COVID-19 dilaporkan, semalam, dengan Sarawak mencatat angka harian tertinggi membabitkan 419 jangkitan (31.1 peratus).

Dua negeri menyusuli Sarawak ialah Selangor dengan 343 kes baharu (25.4 peratus) dan Pulau Pinang yang mencatat 185 jangkitan (13.7 peratus).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 1,342 jangkitan

baharu itu adalah penularan tempatan, manakala baki tujuh lagi kes import.

Katanya, jumlah kumulatif jangkitan COVID-19 di Malaysia kini mencecah 350,959 dengan 14,509 kes aktif.

Beliau memaklumkan, dua kematian baharu akibat COVID-19 direkod, membabitkan rakyat Malaysia berusia 76 dan 78 tahun masing-masing di Sarawak serta Sabah, sekali gus membawa kepada jumlah keseluruhan 1,288 kes (0.37 peratus).

"Sebanyak 10 kluster baharu COVID-19 dikenal pasti, hari ini (semalam), membabitkan lima kluster tempat kerja, komuniti (empat) dan pusat tahanan (satu)."

"Kluster tempat kerja terbabit ialah Kluster Jalan Maju Cemerlang dan Jalan Murni Satu di Johor; Jalan Suasana, Selangor; Danan, Kelantan serta Jalan

Alamanda, Putrajaya.

"Empat kluster komuniti pula ialah Kluster Sungai Mupong dan Sungai Rassau di Sarawak; Rich Park, Sabah serta Kampung Batu Lapan Lekir, Perak.

"Kluster pusat tahanan yang baharu ialah Kluster Tembok Sri Aman di Sarawak," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, Kluster Jalan Maju Cemerlang membabitkan daerah Johor Bahru dengan 11 kes positif dikesan, setakat ini.

Kluster Jalan Murni Satu pula membabitkan daerah Batu Pahat, Kluang dan Mersing dengan 15 kes positif; Kluster Jalan Suasana (daerah Hulu Langat, 19 kes); Kluster Danan (daerah Pasir Puteh, 17 kes) serta Kluster Jalan Alamanda (daerah Putrajaya dan Sepang, 12 kes).

Seterusnya, Kluster Sungai Mupong (daerah Sibu dan Meradong, 17 kes); Kluster Sungai Rassau (daerah Matu dan Sibu, 11 kes); Kluster Rich Park (daerah Tawau dan Kota Kinabalu, 17 kes); Kluster Kampung Batu Lapan Lekir (daerah Manjung, 14 kes) serta Kluster Tembok Sri Aman (daerah Sri Aman, 160 kes).

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, 1,270 pesakit COVID-19 dilaporkan sembuh, semalam, menjadikan jumlah kumulatifnya 335,162 (95.5 peratus), manakala 186 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 94 memerlukan bantuan pernafasan.

Jumlah kumulatif jangkitan COVID-19 di Malaysia kini mencecah 350,959 dengan 14,509 kes aktif

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

KKM kaji punca daftar vaksinasi rendah

Segamat: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang mengkaji punca menyebabkan jumlah pendaftaran menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) masih rendah berikutan hanya 7.6 juta daripada 26.7 juta penduduk Malaysia yang berbuat demikian menerusi aplikasi MySejahtera.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata jumlah itu hanya mewakili kira-kira 30 peratus penduduk di negara ini.

"KKM beranggapan jumlah 7.6 juta orang yang mendaftar untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 itu amat rendah, jadi kita ingin tahu adakah kempen dilakukan kurang berkesan atau orang ramai masih takut atau kurang kefahaman berhubung cara pendaftaran.

"Sebenarnya dalam program imunisasi kebangsaan itu, kita menetapkan sasaran capaian dalam lingkungan 70 hingga 80 peratus," katanya selepas merasmikan program Malaysia Prihatin Vaksinasi COVID-19 Lindungi Diri, Lindung Semua di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pegawai Daerah Segamat, Nasri Md Ali; Pengarah Kesihatan Johor, Datuk Dr Aman Rabu dan Ahli Parlimen Segamat, Datuk Seri Dr Santhara Kumar.

Dr Adham berkata, kadar



Dr Adham menyampaikan sijil pada program Malaysia Prihatin Vaksinasi COVID-19 Lindungi Diri, Lindung Semua di Segamat, semalam. Yang turut hadir, Dr Santhara (kanan). (Foto BERNAMA)

pendaftaran mendapatkan vaksin yang kurang memberangsangkan ketika ini mungkin juga berpunca akibat sikap menunggu dan lihat dalam kalangan rakyat.

Beliau berkata, ia menimbulkan kebimbangan dan bakal mendatangkan kesulitan kepada kerajaan pada saat akhir ketika proses pemberian suntikan dilakukan kelak.

Susulan itu, katanya, KKM akan menggunakan ejen di

setiap daerah sebagai perantara kepada masyarakat untuk memberi maklumat tepat mengenai suntikan vaksin berkenaan.

"Selain itu, pendaftaran kaunter secara manual di klinik kesihatan awam dan swasta serta pejabat kesihatan juga sudah dibuka bagi memudahkan urusan individu yang kurang berupaya menggunakan teknologi," katanya.

Sementara itu, Dr Adham berkata, sejak program vaksi-

si COVID-19 dilancarkan, jangkitan virus ini dalam kalangan petugas KKM juga menunjukkan penurunan.

Beliau berkata, setakat bulan lalu, sejumlah 6,087 kakitangan petugas hadapan KKM dijangkiti virus itu, termasuk 2,276 jururawat, pegawai perubatan (816), pembantu perawat kesihatan (537), penolong pegawai perubatan (534), pegawai perubatan siswazah (340), pakar perubatan (133) dan lain-lain (1,451).

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19

Oleh Hassan Omar
am@hmetro.com.my

Alor Gajah

Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) tidak akan diadakan selagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) belum mencapai 80 peratus rakyat mendapat suntikan vaksin Covid-19.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Tugas-Tugas Khas), Datuk Seri Mohd Reduan Mohd Yusof menegaskan, Pick lebih utama daripada PRU-15 kerana Kerajaan Perikatan Nasional (PN) mementingkan nyawa manusia berbanding keperluan mengadakan PRU-15.

Beliau menjelaskan, kerajaan menjangka antara 70 hingga 80 peratus rakyat akan diberi suntikan vaksin menjelang Februari atau Mac tahun depan dan hanya selepas itu, PRU-15 harus dipertimbangkan dengan kuasa membubarkan Parlimen terletak pada Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Dalam hal Pick, kita tidak boleh berkompromi dengan PRU-15 kerana ia berkaitan dengan nyawa manusia se-

PELAKSANAAN PRU-15

Tunggu 80% rakyat divaksin



"Dalam hal Pick, kita tidak boleh berkompromi dengan PRU-15 kerana ia berkaitan dengan nyawa manusia sedangkan PRU-15 hal politik"

Mohd Reduan

dangkan PRU-15 hal politik.

"Oleh itu PRU-15 tidak akan diadakan selagi Pick belum mencapai antara 70 hingga 80 peratus dan ia bergantung kepada kesediaan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menganjurkannya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program Jelajah Pak Wan Pri-

hatin Dewan Undangan Negeri (DUN) Durian Tunggal di Kampung Pantai Belimbing di sini, semalam.

Selain beramah mesra dengan anggota komuniti, Mohd Reduan turut menyampaikan sumbangan bahan makanan kepada anggota komuniti dan menziarahi mereka sakit di beberapa kampung.

Turut hadir, Yang Dipertua Pas Kawasan Alor Gajah, Shabudin Senin.

Mohd Reduan yang juga Ahli Parlimen Alor Gajah mengulas kenyataan Pengarah Pilihan Raya Umno, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman mengenai menteri daripada Umno akan melepaskan jawatan masing-masing menjelang Ogos depan jika Parlimen tidak dibubar bulan itu.

Tajuddin dilaporkan berkata, Umno membuat ke-

putusan menarik sokongan terhadap Kerajaan Perikatan Nasional (PN) pada Ogos jika Tan Sri Muhyiddin Yassin masih gagal membubarkan Parlimen dalam tempoh berkenaan.

Mohd Reduan menegaskan, berdasarkan dakwaan Tajuddin walaupun semua menteri daripada Umno meletak jawatan, Kerajaan PN akan terus berdiri kukuh kerana ia gabungan parti yang mengutamakan kesepakatan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Sehubungan itu, beliau yang juga Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) menegaskan, Biro Politik parti sedang menyediakan pelan menghadapi tentangan Umno di semua kerusi yang bakal ditandingi Bersatu pada PRU-15.

1,349 jangkitan baharu dicatat

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan 1,349 kes baharu positif Covid-19 semalam, menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu bertambah kepada 350,959 kes dengan kebolehjangkitan 14,509 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tujuh daripada kes baharu itu adalah kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala selebihnya penularan tempatan.

"Sarawak melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 419 kes, dengan 382 kes adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Selangor (343 kes) dan Pulau Pinang (185 kes). Sebanyak 191 kes yang dilaporkan pula berkaitan kluster di depot tahanan imigrasi dan penjara membabitkan Kluster Tembok Sri Aman (159

1,270
Jumlah kes pulih Covid-19 dicatatkan semalam


kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (26 kes), Kluster Tembok Mempaga (2 kes), Kluster DTI Sepang 2 (2 kes) dan masing-masing satu kes bagi Kluster DTI Juru serta Kluster Tembok Tapah," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, 1,270 kes pulih dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih di negara ini sebanyak 335,162 kes.

Selain itu, beliau berkata, ada 186 pesakit Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 94 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, kes kematian semalam pula dua kes menjadikan jumlah kumulatif kes kematian meningkat kepada 1,288 kes iaitu 0.37 peratus.

Saringan banteras Covid-19



PETUGAS barisan hadapan melakukan ujian saringan Covid-19 terhadap orang ramai terutama penduduk Ampang ketika tinjauan di Dewan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Tasik Tambahan, semalam.

Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kepimpinan Dalam Kesihatan Awam) sempena majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke-48. Ijazah kehormat disampaikan Canselor UKM Tuan-

KP Kesihatan terima ijazah kehormat UKM

ku Muhriz Almarhum Tuan-ku Munawir, kelmarin.

Menerusi hantaran di laman Twitter Ketua Pengarah Kesihatan itu semalam, Dr Noor Hisham merakamkan penghargaan atas penganugerahan itu dan menyifatkan ia pengiktirafan kepada komitmen dan dedikasi para pendidik di UKM dan semua petugas kesihatan.

"Merafak sembah junjung kasih menghadap Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz

Tuanku Munawir, Canselor UKM di atas limpah perkenan mengurniakan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada UKM dan Fakulti Perubatan UKM atas

penganugerahan ini. "Selaku alumni Fakulti Perubatan UKM pada 1988 dan 1994, saya berasa bangga melihat kejayaan diperoleh semua graduan yang menerima ijazah mereka pada majlis konvokesyen kali ini yang

diadakan dalam suasana norma baharu," katanya. Dalam pada itu, Dr Noor Hisham mengucapkan penghargaan kepada pakar bedah endokrin yang juga mentornya Prof Emeritus Dr Freda Andrea Meah yang menyampaikan ucapan tahniah atas penganugerahan itu menerusi satu video.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : COVID-19

Ipoh: Polis menafikan dakwaan yang tular menerusi media sosial kononnya seorang anggota Balai Polis Gerik dimasukkan ke unit kecemasan hospital di sini, akibat komplikasi vaksin Covid-19.

Ketua Polis Daerah Gerik Superintendan Zulkifli Mahmood berkata, siasatan mendapati anggota berkenaan sebenarnya menghidap penyakit darah tinggi dan kencing manis.

"Anggota berkenaan diserang strok selepas habis waktu bertugas di pondok balai polis petang se-

Anggota polis masuk hospital akibat sakit biasa

malam (kelmarin) dan dibawa ke Hospital Gerik sebelum dipindahkan ke Hospital Taiping.

"Bagaimanapun, beliau kini dilaporkan berada dalam keadaan stabil dan kemungkinan akan dibawa ke Institut Jantung Negara untuk rawatan lanjut," katanya ketika dihubungi Bernama, semalam.

Mesej tular dalam bentuk laporan itu meny-

takan anggota berpangkat koperal berusia 58 tahun berkenaan mengalami komplikasi dan dimasukkan ke Hospital Gerik selepas mengambil suntikan dos kedua vaksin Covid-19.

Zulkifli turut meminta orang ramai supaya berhenti menyebarkan maklumat tidak benar selain memastikan kebenaran sesuatu maklumat bagi mengelakkan dikenakan tindakan undang-undang kerana mencetuskan kebimbangan kepada orang ramai. - Bernama

Anggota berkenaan sebenarnya menghidap penyakit darah tinggi dan kencing manis

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

10 kluster baharu direkodkan, kes tertinggi dicatatkan di Sarawak

350,959 jumlah kes Covid-19

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Sarawak sekali lagi mendahului negeri lain merekodkan kes tertinggi dengan 419 kes atau 31.1 peratus daripada 1,349 kes harian negara dengan jumlah kes positif Covid-19 kini mencecah 350,959 kes.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 382 kes di Sarawak atau 91.2 peratus daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat yang aktif dijalankan di lapangan, diikuti oleh Selangor sebanyak 343 kes dan Pulau Pinang sebanyak 185 kes.

Kes sembuh pula mencatatkan 1,270 kes dan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 335,162 kes.

Terdapat dua kematian di Sabah dan Sarawak melibatkan lelaki berusia 76 dan 78 tahun dengan pelbagai latar belakang penyakit, menjadikan sebanyak 1,288 kes kematian Covid-19 di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, 66 kluster merekodkan pertambahan kes dengan 10 daripadanya kluster baharu melibatkan lima kluster tempat kerja, empat kluster komuniti dan satu kluster pusat tahanan.

Menurutnya, Kluster Jalan Maju Cemerlang di Johor Bahru, Johor dengan 11 kes pekerja sebuah kilang di Jalan Maju 1, Taman Perindustrian Cemerlang, Ulu Tiram.

"Kluster Jalan Murni Satu di Batu Pahat, Kluang dan Mersing dengan 15 kes iaitu kes indeks hasil saringan individu bergejala dan kluster ini melibatkan sebuah pusat pendidikan di Jalan Murni Satu, Paloh, Kluang.

"Selain itu, Kluster Jalan Suasana di Hulu Langat, Selangor dengan 19 kes iaitu kes indeks bergejala dan nama kluster merujuk lokaliti pusat Pendidikan penularan kes dilaporkan berlaku di Jalan Suasana, Tun Hussein Onn, Cheras," katanya dalam



PENGAYUH beca, Muhd. Ghafar Cirstifall (kiri) menangkap gambar penumpang sambil melawati panorama waktu malam tapak bersejarah di Kota Porta de Santiago di Bandar Hillir, Melaka semalam.

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	1,349
Import:	7
Tempatan:	1,342
Pulih	1,270
• Kematian	2
• Masih dirawat	14,509
• Jumlah kes sembuh	335,162
• Jumlah Kematian	1,288
Jumlah kes keseluruhan	350,959

satu kenyataan akhbar di sini, semalam.

Sementara itu, beliau berkata, lapan kluster tamat semalam iaitu Kluster Jalan Persiaran Cemerlang, Kluster Jalan Perindustrian Estate, Kluster Mayang, Kluster Jalan Senai Utama, Kluster Jalan Persiaran Teknologi Kulai, Kluster Tapak Bina Jalil Utama, Kluster Jalan Lombong dan Kluster Jalan Ho Pin menjadikan sebanyak 1,046 kluster ditamatkan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Kerajaan ada perancangan lain jika AstraZeneca tidak selamat digunakan **Vaksin Pfizer mungkin ditambah**

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

JOHOR BAHRU – Kerajaan mempunyai pelan sokongan lain sekiranya vaksin Covid-19, AstraZeneca yang diluluskan sebelum ini tidak sesuai digunakan di negara ini.


Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, jika terpaksa tangguh AstraZeneca atau sekiranya kerajaan dapati AstraZeneca mungkin tidak sesuai, kerajaan sudah ada beberapa perancangan lain.

"Sebagai contoh kita ada satu tawaran daripada Pfizer untuk tambah sebanyak 12.8 juta dos tambahan daripada apa yang kita tempah setakat ini," katanya.

Ditanya mengenai mempertimbangkan jenama lain bagi vaksin Covid-19, beliau berkata, pihaknya masih lagi sedang berunding dengan Novavax dan beberapa vaksin lain yang belum sampai ke pasaran.

Tambah beliau, kementerian akan menunggu laporan klinikal selepas Mesyuarat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV) pada Selesa ini.

Ujarnya, pihaknya akan terima laporan daripada kumpulan pakar yang sedang mengikuti perkembangan dengan vaksin



MALAYSIA sudah menempah 6.4 juta dos vaksin AstraZeneca untuk kegunaan 3.2 juta rakyat negara ini. – AFP

AstraZeneca.

"Kita ambil maklum bahawa terdapat beberapa kes suntikan vaksin AstraZeneca oleh badan kawal selia perubatan United

Kingdom (UK) selepas ia berpotensi menyebabkan pembekuan darah.

"Tetapi kita masih lagi sedang melihat data tersebut dan apa sa-

haja keputusan berkenaan penggunaan vaksin AstraZeneca akan dimaklum kemudian.

"Setakat ini, kita masih belum terima penghantaran AstraZene-

ca. Jadi, jangan risau kerana kita masih lagi guna Pfizer BioNTech dan Sinovac di sini," katanya pada sidang akhbar di Bangunan Dato Jaafar Muhammad, Kota Iskandar di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai badan kawal selia perubatan UK mengesahkan tujuh daripada 30 individu yang mengalami pembekuan darah selepas menerima suntikan AstraZeneca, meninggal dunia.

Kenyataan berhubung kes kematian itu dikeluarkan selepas beberapa negara Eropah mengambil keputusan menghentikan sementara suntikan vaksin AstraZeneca selepas ia berpotensi menyebabkan pembekuan darah.

Khairy Jamaluddin yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan berkata, kerajaan dijangka menerima AstraZeneca bulan depan.

Katanya, kerajaan sudah menempah sebanyak 6.4 juta dos vaksin AstraZeneca untuk kegunaan 3.2 juta rakyat di negara ini dan akan menerima tambahan 14 juta dos vaksin melalui Program pengedaran Vaksin Antarabangsa (Covax) yang disokong oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia.

Kes frontliner kena Covid-19 turun

SEGAMAT – Kes jangkitan Covid-19 dalam kalangan petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan (KKM) menurun dalam tempoh Program Vaksinasi Covid-19 Kebangsaan di lancarkan kira-kira 40 hari yang lalu.

Menurut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba, penurunan jangkitan kes melibatkan petugas KKM itu menunjukkan, tanda positif pelaksanaan Program Vaksinasi Covid-19 Kebangsaan yang bermula 24 Februari lalu.

"Kes jangkitan melibatkan petugas KKM secara keseluruhannya diperolehi daripada masyarakat setempat yang mendapatkan rawatan. Jadi, petugas KKM adalah antara golongan sasaran utama bagi fasa pertama program ini.

"Penurunan kes jangkitan dalam kalangan mereka adalah antara kejayaan awal program ini yang menunjukkan keberkesannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui sewaktu perasmian



JANGKITAN melibatkan frontliner kebiasaannya diperolehi dari masyarakat setempat. – GAMBAR HIASAN

Program Malaysia Prihatin Vaksinasi Covid-19 Lindungi Diri, Lindungi Semua peringkat daerah Segamat di Dewan Muafakat, Taman Yayasan Segamat di sini semalam.

Data kes jangkitan petugas KKM setakat bulan lalu menunjukkan seramai 6,087 kakitangan

petugas hadapan KKM dijangkiti Covid-19.

Ujarnya, jumlah tersebut adalah termasuk 2,276 orang jururawat, pegawai perubatan (816), pembantu perawat kesihatan (537), penolong pegawai perubatan (534), pegawai perubatan siswazah (340) dan lain-lain.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

1,342 kes penularan tempatan manakala tujuh lagi kes import

1,349 kes baharu, dua kematian

KUALA LUMPUR

Sebanyak 1,349 kes baharu Covid-19 dan dua kematian direkodkan pada Ahad, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah. Beliau berkata, daripada jumlah kes baharu tersebut, sebanyak 1,342 adalah kes penularan tempatan manakala tujuh lagi merupakan kes import.

mencatat kes baharu tertinggi dengan 419 kes, diikuti Selangor (343) dan Pulau Pinang (185). "Sebanyak 1,270 kes sembuh dicatatkan, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh kini 335,162. Selain itu, 186 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi dengan 94 daripadanya memerlukan bantuan alat pernafasan," katanya dalam kenyataan mengenai Covid-19 pada Ahad. Dr Noor Hisham turut memaklumkan 10 kluster



DR NOOR HISHAM


baharu dikenal pasti iaitu Kluster Jalan Maju Cemrlang dan Kluster Jalan Murni Satu, Johor;

Kluster Jalan Suasana (Selangor), Kluster Danan (Kelantan) serta Kluster Jalan Alamanda (Putrajaya) yang merupakan kluster tempat kerja. Empat kluster komuniti turut dikesan iaitu Kluster Sungai Mupong dan Kluster Sungai Rassa, Sarawak; Kluster Kampung Batu Lapan Lekir (Perak) serta Kluster Rich Park (Sabah), selain satu kluster pusat tahanan iaitu Kluster Tembok Sri Aman di Sarawak. - Bernama


Kluster Tembok penyumbang tertinggi jangkitan di Sarawak

KUCHING - Kluster Tembok di daerah Sri Aman menjadi penyumbang tertinggi kes jangkitan baharu Covid-19 di Sarawak pada Ahad dengan 159 kes, kata Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas. Beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata, Kluster Tembok itu melibatkan tahanan dan kakitangan di Penjara Pusat Sri Aman. "(Sehingga Ahad), seramai 322 tahanan telah disaring di mana 156 tahanan positif (79 rakyat Malaysia dan 77 bukan warganegara Malaysia) dan 166 masih menunggu keputusan makmal manakala bagi kakitangan penjara pula, 131 telah disaring dan tiga disahkan positif, lapan didapati negatif dan 120 masih menunggu keputusan," katanya. Uggah berkata, Penjara Pusat Sri Aman juga telah diwartakan sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) untuk kes positif melibatkan tahanan manakala dewan di penjara tersebut digunakan untuk kakitangan positif. Selain kluster itu, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak turut mengesyitahkan dua lagi kluster baharu iaitu Kluster Sungai Mupong di Meradong dan Kluster Sungai Rassa di Matu. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	KU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
350,959	335,162	186	1,288	+1,349	787,504



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 349,610 kes kepada 350,959 kes

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kenal pasti faktor ramai rakyat masih belum daftar vaksin

SEGAMAT - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mencari dan mengenal pasti faktor yang menyebabkan sebahagian besar rakyat di negara ini masih belum mendaftar untuk suntikan vaksin Covid-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, KKM menasarkankan 70 hingga 80 peratus penduduk Malaysia mendaftar dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan namun sehingga kini hanya 7.6 juta daripada 26.7 juta mendaftar menerusi aplikasi MySejahtera.

“Saya tidak berpuas hati lagi. KKM masih belum berpuas hati, kemungkinan besar KKM akan mencari punca sebab apa mereka tidak daftar. Adakah kempen tidak cukup kuat atau mereka takut atau mahu tunggu dan lihat? Ada



Foto: BERNAMA

Dr Adham (dua dari kiri) pada Program Malaysia Prihatin Vaksinasi Covid-19 'Lindungi Diri, Lindungi Semua' Peringkat Daerah Segamat di Dewan Serbaguna Taman Yayasan, Segamat pada Ahad.

juga yang dakwa vaksin begitu begini.

“Atau adakah mereka tidak dapat liputan aplikasi MySejahtera di kawasan masing-masing atau kurang pengetahuan. Setakat ini, 7 juta (yang berdaftar) masih rendah,” katanya dalam sidang media selepas merasmikan Program Malaysia Prihatin Vaksinasi Covid-19 ‘Lindung


Diri, Lindung Semua’ Peringkat Daerah Segamat di sini pada Ahad.

Katanya, KKM berharap mereka yang mendaftar akan meningkat sebelum fasa kedua suntikan vaksin Covid-19 bermula 17 April ini bagi mengelak kesulitan berlaku di fasa akhir pemberian suntikan vaksin berkenaan. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI



Taburan kes pada 4 April

JUMLAH KESELURUHAN
350,959
SEMBUH
335,162

Vaksinasi lindungi petugas kesihatan

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

SEGAMAT: Angka jangkitan Covid-19 dalam kalangan petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan menurun ketika tempoh Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang dimulakan pada 24 Februari lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, penurunan angka jangkitan memberikan petunjuk positif mengenai pelaksanaan program imunisasi.

"Kes jangkitan melibatkan petugas kesihatan secara keseluruhan berpunca daripada orang awam ketika mereka mendapatkan rawatan. Jadi, petugas kesihatan adalah antara golongan sasar utama bagi fasa pertama program ini.

"Penurunan kes jangkitan dalam kalangan mereka menjadikan antara kejayaan awal program ini yang menunjukkan keberkesannya," kata beliau selepas merasmikan Program Malaysia Prihatin Vaksinasi Cov-

id-19 Lindungi Diri, Lindungi Semua peringkat Segamat di Dewan Muafakat, Taman Yayasan di sini semalam.

Menurut beliau, sehingga bulan lalu seramai 6,087 petugas barisan hadapan dijangkiti Covid-19.

